



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 2 TAHUN 2017**

---

**PENGECUALIAN KREDIT BAGI KURSUS HNH2012 TAMADUN ISLAM &  
TAMADUN ASIA (TITAS),  
HNS2012 HUBUNGAN ETNIK, PKU2013 ASAS KEUSAHAWANAN  
& HNP2012 PENGAJIAN KENEGARAAN  
UNTUK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA YANG MENGIKUTI  
PROGRAM SARJANA MUDA UPSI**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
20 September 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

20 SEPTEMBER 2017

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2017**

**PENGECUALIAN KREDIT BAGI KURSUS HNH2012 TAMADUN ISLAM &  
TAMADUN ASIA (TITAS),  
HNS2012 HUBUNGAN ETNIK, PKU2013 ASAS KEUSAHAWANAN  
& HNP2012 PENGAJIAN KENEGARAAN  
UNTUK PELAJAR PROGRAM DIPLOMA YANG MENGIKUTI  
PROGRAM SARJANA MUDA UPSI**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-158 Bilangan 9/2017 yang bersidang pada 20 September 2017 telah bersetuju memberi pengecualian kredit kredit bagi Kursus HNH2012 TITAS, HNS2012 Hubungan Etnik, PKU2013 Asas Keusahawanan dan HNP2012 Pengajian Kenegaraan untuk pelajar Program Diploma yang mengikuti Program Sarjana Muda UPSI.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Senat Kali Ke-159 Bilangan 9/2017 yang bersidang pada 20 September 2017 telah bersetuju meluluskan penyelarasan penawaran komponen Kursus Universiti bagi program Diploma dengan mengambilkira penemuan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KTP) yang melibatkan kursus Kursus TITAS dan Hubungan Etnik. (Rujuk Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 1 Tahun 2017)

- 2.2 Dengan penyelarasan itu, pelajar Diploma yang telah mengambil TITAS, Hubungan Etnik, Asas Keusahawanan dan Pengajian Kenegaraan dan sedang menyambung pengajian ke Sarjana Muda akan memohon untuk pengecualian kredit bagi kursus berkenaan.
- 2.3 Pelaksanaan sebelum ini membenarkan pelajar membuat pengecualian kredit bagi Kursus Universiti dan ini adalah menyalahi dasar pindah kredit merujuk kepada surat Kementerian Pendidikan Tinggi berkaitan penambahbaikan dasar pindah kredit menyatakan pindah kredit Mata pelajaran Umum hanya dibenarkan secara horizontal sahaja. Pindah kredit secara horizontal ialah bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian).

### **3.0 KEPUTUSAN SENAT**

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperakui dan meluluskan keputusan seperti berikut:
  - i. pengecualian kredit bagi Kursus HNH2012 TITAS, HNS2012 Hubungan Etnik dan HNP2012 Pengajian Kenegaraan diberikan kepada pelajar Diploma yang telah menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda bagi ambilan Semester 1 Sesi 2017/2018.
  - ii. pengecualian kredit bagi Kursus HNH2012 TITAS, HNS2012 Hubungan Etnik, HNP2012 Pengajian Kenegaraan dan PKU2013 Asas Keusahawan diberikan kepada pelajar Diploma yang aktif (sedang dalam pengajian) sehingga ambilan Semester 1 Sesi 2017/2018 (E171) yang menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda di UPSI.
  - iii. pengecualian kredit bagi Kursus HNH2012 TITAS, HNS2012 Hubungan Etnik dan HNP2012 Pengajian Kenegaraan diberikan kepada pelajar Sarjana Muda (Semester 2 hingga 7) lepasan Diploma.

#### **4.0 TARIKH KUASA KUASA**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 20 September 2017.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Hal Ehwal Akademik

